

**Kuala Lumpur:** Impian anak sulung daripada lima beradik ini untuk melanjutkan pengajian ke menara gading akhirnya tercapai walaupun mengalami pelbagai cabaran.

Crisnanalina Jumis, 20, berkata, pada awalnya dia mahu menolak tawaran masuk ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) disebabkan kesempitan wang untuk beli kelengkapan ke kampus.

"Dari segi kewangan pada masa itu memang tiada. Kalau cakap pasal yuran kemasukan, memang dibenarkan tangguh tetapi wang beli barang keperluan masuk ke kolej tiada. Malah, komputer riba pun saya tiada.

"Ayah minta tangguhkan pengajian ke tahun hadapan agar boleh mengumpul wang. Jadi saya boleh sambung belajar bersama adik yang berada di tingkatan enam," kata nya.

Menurutnya, nasibnya berubah selepas ibu saudara yang bekerja di sebuah syarikat pener-

# Ibu saudara ubah nasib Crisnanalina

HM 25.11.2024 P.03

bitan akhbar meminta bantuan pengarang berita menerbitkan kisahnya sehingga mendapat perhatian pelbagai pihak.

"Kebetulan kisah diterbitkan oleh akhbar berkenaan tular. Selepas itu, saya dapat panggilan daripada pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UMS.

"Pegawai itu datang ke ru-

mah lalu bawa saya ke UMS, mereka juga memberi pelbagai bantuan seperti alat kebersihan diri dan barang dapur.

"Sewaktu hari pendaftaran pelajar, saya menerima sumbangan komputer riba dan bantuan kewangan disampaikan Setiausaha Perhubungan Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Datuk Mohd Rashid Mohd Tahir. Selain itu, saya terima Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS)," katanya.

Menurut pelajar tahun pertama Ijazah Sarjana Muda Perhutanan itu, peluang sebegini tidak datang dua kali.

"Jika saya mohon kursus sama tahun hadapan belum tentu dapat bantuan sebegini, jadi saya ambil keputusan sambung pengajian, ia juga dengan dorongan keluarga.

"Rasa bersyukur yang tidak boleh digambarkan dengan segala bantuan ini.

"Selepas menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, saya mahu menyambung Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI). Cita-cita saya mahu menjadi seorang guru," katanya.

Crisnanalina berkata, sudah tentu dia tidak dapat membalas semua jasa ibu bapa dan mengubah nasib keluarga.

**Ayah minta tangguh pengajian ke tahun hadapan agar boleh kumpul wang**  
Crisnanalina

